

# **PROPOSAL**

## **KURSUS/SEMINAR PENGURUSAN & PERANCANGAN KEWANGAN KOMPREHENSIF**

**OLEH:  
NOR AZMI OMAR  
SMART PLANNER BIZ SERVICES**

## **KURSUS PENGURUSAN & PERANCANGAN KEWANGAN KOMPREHENSIF**

<b>Smart Planner Biz Services – Tentatif Program untuk kursus 2 hari</b>		
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Modul/Seksyen</b>	<b>Topik</b>
Hari Pertama 9.00 pagi – 10.30 pagi	Perasmian Kursus  Asas Pengurusan dan Perancangan kewangan	Industri Kewangan di Malaysia Asas Perancangan kewangan Produk dan Perkhidmatan Perancangan Kewangan Perkhidmatan Perancang Kewangan Bertauliah
10.30 pagi – 11.00 pagi	Rehat	
11.00 pagi – 1.00 tgh	Pengurusan Aliran Tunai dan Penyelesaian Hutang	Asas Pengurusan Tunai Perbezaan Liabiliti Berubah dan Liabiliti Tidak Berubah Kesilapan dalam Pengurusan Kewangan Penyediaan Model Pengurusan Kewangan Pelaksanaan dan Pemantauan
1.00 tgh – 2.00 ptg	Rehat	
2.00 ptg – 3.30 ptg	Pengurusan Risiko dan Kepentingan Takaful	Asas Pengurusan Risiko Konsep Takaful Model Perniagaan Takaful Perbezaan antara Takaful Dan Insuran Analisa Keperluan Perlindungan Kewangan Kepentingan Pengurusan Risiko dan Takaful
3.30 ptg – 4.00 ptg	Rehat	
4.00 ptg – 5.00 ptg	Pelaburan dan Peningkatan Harta	Konsep Asas Pelaburan Memahami Produk Pelaburan Asas Pengurusan Portfolio Pelaburan Kepentingan Perancangan Pelaburan dan Peningkatan Harta
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Modul/Seksyen</b>	<b>Topik</b>
Hari Kedua 9.00 pagi – 10.30 pagi	Perancangan Persaraan dan Pelan Pendidikan Anak	Persaraan – Bersediakan Anda? Faktor dan situasi semasa Persaraan Penyediaan Pelan Persaraan Pendidikan – Kos dan Tempoh Masa Penyediaan Pelan Pendidikan Anak Kepentingan Perancangan Persaraan dan Pendidikan Anak
10.30 pagi – 11.00 pagi	Rehat	
11.00 pagi – 1.00 tgh	Pengagihan Harta	Pengenalan berkenaan Wasiat Pentadbiran Harta di Malaysia Asas Pengiraan Faraid Hibah, Harta Sepencarian, Wakaf dan Amanah Kepentingan Perancangan Pengagihan Harta
1.00 tgh – 2.00 ptg	Rehat	
2.00 ptg – 3.30 ptg	Penyucian Harta dan Cukai Pendapatan	Pengenalan berkenaan Zakat Pentadbiran Zakat di Malaysia Pentadbiran Cukai Malaysia Asas Perancangan Zakat dan Cukai Kepentingan Perancangan Zakat dan Cukai
3.30 ptg – 4.00 ptg	Rehat	
4.00 ptg -5.00 ptg	Perbincangan	Sesi soal jawab dan pelaksanaan
5.00 ptg	Perasmian Penutup Kursus	

<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Perancangan dan Pengurusan Kewangan Komprehensif</b>
<b>Sinopsis</b>	Kursus ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan kaedah untuk mengurus dan merancang kewangan secara komprehensif untuk setiap individu dan ia amat berguna untuk mencapai matlamat kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang. Kursus ini akan menerangkan secara mendalam berkenaan konsep, produk, perkhidmatan dan instrumen yang boleh digunakan dalam perancangan kewangan. Para peserta akan mendapat manfaat dari segi pemahaman yang lebih mendalam berkenaan Perancangan Kewangan dan menggunakan teknik-teknik dan idea yang diberikan untuk mencapai matlamat kewangan dan kehidupan yang diidamkan.
<b>Objektif</b>	Objektif kursus ini adalah untuk memberi maklumat kepada para peserta kepentingan Perancangan Kewangan dan Risiko serta Potensi yang dimiliki oleh setiap individu.
<b>Hasil Pembelajaran</b>	Dengan menghadiri kursus ini, peserta akan dapat: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memahami Asas Perancangan Kewangan</li> <li>2. Memahami Kaedah Pengurusan Tunai dan Penyelesaian Hutang</li> <li>3. Memahami Pengurusan Risiko dan kepentingan Takaful</li> <li>4. Memahami Kaedah Penjanaaan Aset dan Pelaburan</li> <li>5. Memahami Proses Perancangan Persaraan dan Pendidikan Anak</li> <li>6. Memahami Kepentingan Pengurusan dan Pengagihan Harta</li> <li>7. Memahami Kaedah Penyucian Harta dan Perancangan Asas Percukaian</li> <li>8. Memahami Kepentingan Perancangan Kewangan Secara Komprehensif</li> </ol>

### Profil Penceramah

Nor Azmi Omar	<p>En Nor Azmi Omar merupakan seorang Perancang Kewangan Bertauliah (CFP) dan memegang ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setelah 7 tahun membina kerjaya di dalam industri pembrokeran saham, beliau mengambil keputusan untuk menjadi konsultan sepenuh masa untuk industri amanah saham, takaful &amp; pengagihan harta bersama beberapa syarikat kewangan seperti CIMB Wealth Advisors, Etiqa Takaful Bhd, Syarikat Takaful Malaysia dan As-Salihin Trustee dan sebagainya.</p> <p>Kini beliau menubuhkan Smart Planner Biz Services yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk memberi nasihat kewangan peribadi kepada pelanggan individu &amp; korporat. Di antara bidang pengkhususan nasihat kewangan yang disediakan ialah Pengurusan Tunai, Penstrukturan Semula Hutang, Perancangan Pelaburan, Perancangan Perlindungan Takaful, Pengurusan Pembahagian Harta, Wasiat &amp; Hibah, Perancangan Cukai, Zakat serta Program Perancangan Kewangan Menyeluruh. Di antara pelanggan korporat di bawah selian beliau adalah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Politeknik Kota Kinabalu, Institut Tengku Ampuan Afzan, Perbadanan Putrajaya, Dataran Fokus Sdn Bhd, Emzex Consulting Sdn Bhd dan pelanggan individu terdiri dari pelbagai peringkat dari pemilik syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan, kakitangan kerajaan serta professional.</p> <p>Pelbagai jenis seminar dan kursus perancangan serta pengurusan kewangan telah dilaksanakan di pelbagai organisasi &amp; juga yang dibuat secara terbuka untuk orang ramai. Untuk organisasi &amp; individu yang berminat untuk menyertai @ ingin membuat seminar/kursus sila hubungi: <b>HP: 012-6556250 Emel: norazmi88@yahoo.com Website:www.smartplanner.my @ Blog:www.smartplannerbiz.blogspot.com</b> untuk maklumat lanjut.</p> <p><b>Alamat Pejabat: Smart Planner Biz Services 3-1-1 Jalan Medan PB1A, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, 43650 Selangor Telefon/Faks: 03-8926 8441/8926 8442</b></p>
---------------	--

### **Smart Planner Biz Services**

Syarikat ini ditubuhkan pada 4 Ogos 2008 dan mendapat lesen Penasihat Kewangan dari Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 3 Oktober 2008. Di antara khidmat nasihat yang disediakan ialah Nasihat Pengurusan Kewangan Komprehensif, Pelaburan Unit Amanah, Pengurusan Risiko dan Perlindungan Takaful, Perancangan Wasiat, Pengurusan Tunai dan Hutang, Perancangan Zakat dan Cukai serta Perancangan Kewangan Korporat.

Seminar dan Bengkel Pengurusan Kewangan Menyeluruh telah dijalankan di pelbagai organisasi dan tempat seperti Politeknik Kota Kinabalu Sabah, Perbadanan Putrajaya, MECD, Kausar Corporation Sdn Bhd, Emzex Engineering Sdn Bhd, Uniten, DBP dan pelbagai lagi. Seminar dan bengkel juga dijalankan secara terbuka dan dilaksanakan di Putrajaya, Bandar Baru Bangi dan Johor Bahru.

Bilangan peserta yang telah menghadiri seminar dan bengkel telah melebihi 1000 orang. Seramai lebih 300 pelanggan telah melaksanakan program pengurusan kewangan secara menyeluruh.

Misi syarikat ialah menjadi peneraju utama dalam industri pengurusan kewangan menyeluruh dan membantu setiap pelanggan mencapai matlamat kewangan terkini dan juga matlamat jangka sederhana dan jangka panjang melalui khidmat nasihat dan pelaksanaan pengurusan kewangan.

### **Sebutharga Kursus:**

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar</b>	<b><u>Pengisian Kursus</u></b>
<b>Kadar 1 jam</b>	<b>RM420</b>	<b>Pengetahuan Asas Perancangan Kewangan</b>
<b>Setengah Hari</b>	<b>RM1680</b>	<b>Penjelasan Asas &amp; Konsep Perancangan Kewangan</b>
<b>Satu Hari</b>	<b>RM3150</b>	<b>Penjelasan Komprehensif Perancangan Kewangan</b>
<b>Dua Hari</b>	<b>RM6300</b>	<b>Penjelasan &amp; Implimentasi Perancangan Kewangan</b>

***Nota: Kadar Bayaran Kursus/Seminar termasuk caj Cukai Perkhidmatan Kerajaan sebanyak 5%***